

04/01/1998

Tindakan Ghapur disokong

KOTA KINABALU: Beberapa pemimpin kerajaan negeri dan Umno mengalu-alukan keputusan Datuk Abdul Ghapur Salleh menarik balik surat peletakan jawatan daripada Kabinet dan parti, sambil berharap ia membawa kekuatan baru dan kemantapan dalam pemerintahan di Sabah.

Ketua Menteri, Datuk Yong Teck Lee, dalam satu kenyataan empat perenggan di sini berkata sebagai anggota kanan dalam Kabinet dan tokoh berpengalaman, kepimpinan Ghapur amat diperlukan.

"Saya mengalu-alukan keputusan itu dan saya penuh keyakinan terhadap kemampuannya menjalankan tugas."

"Tindakan itu adalah bukti pengorbanan besar kerana meletakkan kepentingan negeri mengatasi kepentingan politik dan perasaan peribadi," katanya.

Kelmarin, Ghapur mengumumkan keputusan menarik balik peletakan jawatan Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan serta Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, berkuatkuasa serta-merta.

Pengumuman dibuat selepas beliau menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam turut mengalu-alukan keputusan Ghapur menarik balik surat peletakan jawatan berkenaan.

"Ini menunjukkan beliau meletakkan kepentingan parti mengatasi kepentingan diri," katanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, setibanya dari Kuala Lumpur, tengah hari semalam.

Osu berkata, jika Ghapur menghadapi masalah dalam tugas selepas ini, beliau seharusnya berbincang dengan rakan dalam Kabinet dan pimpinan Umno.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Yahya Hussin, juga menyambut baik tindakan Ghapur menarik balik surat perletakannya.

Menurut beliau, masalah yang dihadapi (berikutan tindakan Ghapur) dapat diselesaikan bagi membolehkan Umno dan kerajaan menghadapi masalah yang lebih rumit iaitu kemelesetan ekonomi.

Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, pula menyifatkan keputusan Ghapur sebagai 'agak ganjil' kerana sebelum ini beliau sudah berulang kali menegaskan bahawa keputusan itu muktamad dan tiada siapa boleh mengubahnya.

"Kita berpendapat jika seorang menteri sudah membuat keputusan tegas dengan memberi alasan dia gagal menjalankan tugasnya, dia perlu berpegang kepada keputusan itu."

"Dalam hal ini, keputusannya menarik balik surat peletakan jawatan itu agak ganjil," katanya.

Sehubungan itu, beliau mendesak anggota Kabinet negeri meletakkan jawatan dan Dewan Undangan Negeri Sabah dibubarkan bagi membolehkan rakyat membuat pilihan dalam pilihan raya negeri akan datang.

(END)